



Suara LPP

Bergerak Maju Bersama Peladang

Bil: 3/2004

Diterbitkan oleh: Bahagian Hal Ehwal Korporat

Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu masyarakat tidak melihat sektor pertanian sebagai sektor tidak berdaya maju, kerana ia sebenarnya mampu menjana pendapatan

individu dan negara. Beliau mahu petani mengubah sikap dengan menjadi petani yang berilmu dan berkeupayaan menggunakan teknologi terkini serta

"Mengenai pekerja berilmu, lazimnya kita tidak mengambil kira petani sebagai pekerja berilmu tetapi hari ini kita mahu ia mesti membabitkan petani," katanya.

Beliau berucap merasmikan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia 2004 (MAHA2004) dan dan Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2004. Sambutan tersebut telah berlangsung pada 5-10 Oktober 2004 di Malaysia International & Convention Centre (MIECC) Mines Resort City, Kuala Lumpur. Turut hadir, Menteri Pertanian dan Industri

Asas Tani, Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin dan Timbalannya, Y.B. Dato' Seri Haji Mohd. Sharif Haji Omar dan Y.B. Dato' Seri Ker Choo Ting.



Teknologi Peneraju Pertanian Komersial

Beliau tidak mahu sektor pertanian menjadi sektor lembap dan ia mesti ditingkatkan kepada sektor berdaya maju untuk

menyumbang kekayaan dan kemakmuran negara serta memberi pendapatan lebih tinggi kepada petani, penternak dan nelayan.

Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri menyampaikan ucapan perasmian MAHA dan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2004 pada 5 Oktober 2004.

teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dalam penghasilan dan pemasaran produk pertanian mereka.

"Sikap tidak mahu berubah atau tidak mahu belajar cara baru dalam pertanian mesti dikikis. Dengan perubahan itu, petani boleh maju seterusnya mengubah minda masyarakat yang menganggap sektor pertanian tidak boleh maju dan mundur".

"Kita mahu setiap petani mampu meningkatkan hasil dan mutu produk pertanian, supaya mereka yang sebahagian besar adalah masyarakat luar bandar mendapat pendapatan yang lebih. Jangan ada jurang perbezaan dan kemajuan yang terlalu besar antara luar bandar dan bandar.

"Saya mahu ada keseimbangan antara mereka yang kerja di bandar dan luar bandar supaya mereka yang tinggal di luar bandar juga mendapat pendapatan yang baik," katanya.

Beliau berkeyakinan lebih ramai anak muda akan berminat dalam sektor berkenaan. Dengan

Dari Meja Ketua Pengarang

Sambutan MAHA dan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2004 berlangsung dengan suasana meriah dari 5 – 10 Oktober 2004 dengan tema “**Teknologi-Peneraju Pertanian Komersial**” . Pelbagai agensi dari dalam dan luar negara menyertai pameran yang diadakan bertujuan memberi pendedahan kepada para peladang, penternak dan nelayan terhadap teknologi yang dicapai dalam sektor pertanian.

Kerajaan di bawah pimpinan Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi ingin melihat sektor pertanian dimajukan menerusi program yang dirancang bagi memartabatkan sektor tersebut setanding dengan sektor lain. Semua ini dilakukan agar perubahan besar dapat dilihat bagi membela nasib peladang, penternak dan nelayan yang selama ini jauh ketinggalan.

Berbagai langkah telah diambil oleh kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, tetapi mentransformasikan pertanian ke arah lebih maju bukan semudah diucapkan terutamanya yang melibatkan penggunaan teknologi. Masyarakat peladang kita kebanyakannya kurang pengetahuan selain faktor usia dan cara pemikiran yang terkebelakang. Minda mereka dihimpit dengan

suasana lampau yang sukar diubah. Tetapi jika diteliti secara terperinci semua itu bukan menjadi penghalang ke atas perubahan yang diinginkan seperti kata Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, “Bukan teknologi itu menyebabkan peladang kita berjaya tetapi sikap ingin berubah dan sanggup menerima cara pemikiran yang lebih moden akan merealisasikan kejayaan itu”.

Sedarlah peladang, penternak dan nelayan dalam mengharungi cabaran masa kini, rebutlah peluang yang diberi kerajaan bagi merubah sektor pertanian agar lebih berdaya saing. Lembaga Pertubuhan Peladang dalam menjayakan dasar kerajaan haruslah sentiasa peka akan perubahan teknologi yang ada seterusnya menyalurkan teknologi tersebut dengan segera agar dapat dimanfaatkan oleh peladang.

Berbekalkan semangat “Malaysia Boleh” sudah semestinya kita mampu untuk memajukan sektor pertanian setanding dengan negara maju. Namun segala usaha yang akan dijalankan memerlukan idea dan kerjasama dari pelbagai pihak. Semoga apa yang dilaungkan itu menjadi pembakar semangat kepada peladang, penternak dan nelayan untuk terus maju ke hadapan.

Penaung

Dato' Nozir Ahmad bin Hussain

Penasihat

**Milatusamshi bin Imam Nawawi
Aziz bin Abu Seman**

Ketua Pengarang

Mohd. Rosli bin Harun

Penyunting

Azizan bin Hj. Othman

Pengarang

**Rohman bin Jasmani
Mazuan bin Panjang Ali
Husra Kasuma Fahmi bin Hussin**

Grafik/Illustrator

**Rohman bin Jasmani
Kamaruzzan bin Hanif**

Fotografi

**Ishak bin Abd. Rahman
Sahidan bin Zakaria**

Pengedaran

**Zulkifle bin Mat
Abu Hassan bin Abd. Aziz**

Jurutaip

Sharifah binti Sulaiman

Diterbitkan Oleh:

**Unit Produksi Media,
Bahagian Hal Ehwal Korporat,
Lembaga Pertubuhan Peladang,
Blok C Utara, Pusat Bandar
Damansara, Bukit Damansara,
50990 Kuala Lumpur.**



Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi menyampaikan anugerah kepada Ramli Isnin pemenang Peladang Jaya Lelaki Kebangsaan 2004.

penyertaan lebih ramai golongan muda yang ternyata berpengetahuan dalam bidang teknologi ICT akan menjadikan sektor pertanian setanding dengan sektor lain yang maju.

Selepas upacara perasmian, Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi turut menyampaikan hadiah kepada pemenang Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2004. Ramli Isnin, 47 tahun dipilih sebagai Peladang Jaya Lelaki Kebangsaan 2004. Ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Alor Gajah, Melaka ini membabitkan diri dalam bidang pertanian dengan menternak 180 ekor lembu secara integrasi dengan getah. Menternak 600 ekor lembu dan 80 ekor kerbau secara feedlot. Beliau juga turut mengusahakan ladang kelapa sawit seluas 50 hektar dan getah seluas 15 hektar. Mengusahakan tapak semaian seluas 0.8 hektar dan satu unit pasaraya peladang dalam mempembagikan

kegiatan. Dianugerahkan sijil "Good Animal Husbandry Practice" (GAHP) daripada Jabatan Haiwan.

Puan Rabitah Zainudin, 46 tahun dari Bukit Gantang, Perak pula memenangi Anugerah Peladang Jaya Wanita Kebangsaan 2004 dengan mengusahakan ternakan ayam sistem tertutup sebanyak 20,000 ekor sepusingan, dusun buah-buahan berkonsepkan agrotourism seluas 7.5 hektar dan aktiviti berasaskan pertanian.

Pertubuhan Peladang Kawasan Lahar Bubu, Pulau Pinang pula dipilih sebagai Pertubuhan Peladang Jaya 2004 manakala Persatuan Nelayan Jaya Kebangsaan 2004 dimenangi Persatuan Nelayan Kawasan Besut, Terengganu. Peladang Muda Jaya Lelaki Kebangsaan 2004 pula dimenangi Khairudin Mohamad, Ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Jerangau, Terengganu yang mengusahakan tanaman sayur-sayuran, tanaman kelapa sawit dan dusun buah-buahan.

Nelayan laut dalam, Norwi Mamat, 48 tahun dan Ahli Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kota Bahru, Kelantan dipilih sebagai Nelayan Jaya Kebangsaan 2004 manakala Abdul Rhanie Md. Dawi dari Semantan, Sarawak diumumkan sebagai Usahawan Ikan Jaya Kebangsaan 2004. Penternak dan pembekal susu kambing serta pengusaha ladang ternakan berkonsepkan agrotourism, M. Kamal Basha Mohd. Haniffa, 50 tahun dari Batu Arang, selangor dipilih sebagai Usahawan Penternak Jaya Kebangsaan 2004.

Unit Peladang Jaya Kebangsaan 2004 pula dimenangi Unit Peladang Kampung Telok, Arau, Perlis. Projek Kelompok Jaya Kebangsaan 2004 dimenangi Projek Berkelompok Nanas Parit Tengah, Batu Pahat, Johor sementara Kumpulan Pengembangan Wanita (KPW) Kampung Kubang Panjang, Lubuk Merbau, Kuala Kangsar, Perak memenangi Kumpulan Wanita Jaya Kebangsaan 2004.



Para pemenang pelbagai kategori bergambar bersama selepas majlis perasmian MAHA dan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2004.

Berita



Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi meluangkan masa melawat gerai jualan produk pertanian sempena MAHA dan HPPNK 2004 di Malaysia International & Convention Centre (MIECC) Mines Resort City pada 6 Oktober 2004 sambil diiringi oleh Y.B. Dato' Seri Haji Mohd Sharif Haji Omar, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.



Lembaga Pertubuhan Peladang turut mengadakan gerai pameran sempena MAHA dan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2004.



Y.B.M Dato' Haji Raja Ideris Raja Ahmad, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Asli dan Pembangunan Usahawan Negeri Selangor sedang mencuba traktor yang diserahkan kepada Pertubuhan Peladang Negeri Selangor sempena majlis yang diadakan pada 12 September 2004 di PPNS Jentera, Sekinchan, Selangor.

Bergambar

Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin b. Haji Mohd. Yassin, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Y.B. Dato' Rohani Abdul Karim, Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Y. Bhg. Encik Jusoh Haji Awang, Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan semasa Majlis Perasmian Konvensyen Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2004.



Peserta-peserta Agro Challenge bergambar beramai-ramai sebelum memulakan perjalanan ke Selangor dan Perak bagi mempromosikan MAHA dan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2004.

Sempena MAHA dan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2004, pertubuhan peladang dari seluruh negara dan usahawan turut mempromosikan produk pertanian yang diusahakan melalui gerai jualan pertubuhan peladang.





Pertanian Sumber Kekayaan

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Y.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Y.B. Dato' Seri Haji Mohd. Sharif bin Haji Omar dan Y.B. Dato' Seri Kerk Choo Ting, Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Y.B. Dato' Rohani binti Abdul Karim serta Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Y.H. Dato' Abi Musa Asa'ari bin Mohamed Nor.

Bagaimanapun kata Perdana Menteri, terpujang kepada syarikat-syarikat milik kerajaan itu untuk memutuskan pelaksanaan supaya ia memberi keuntungan kepada mereka.

Syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC) diseru menggembeleng tenaga untuk mengubah sektor pertanian itu menjadi seperti sektor pembuatan. Langkah ini bertujuan melahirkan ramai jutawan tani yang mampu menjadi pembekal hasil pertanian dunia.

Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, syarikat-syarikat GLC yang mempunyai kemampuan boleh mempelbagai aktiviti mereka dengan membabitkan diri dalam industri pertanian secara besar-besaran terutama yang mempunyai potensi eksport.



Antara tetamu yang hadir semasa majlis perasmian Persidangan Halatuju Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani sedang mendengar ucapan oleh Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Katanya, dengan itu syarikat-syarikat besar tersebut boleh menjadi pemangkin kepada pertumbuhan sektor itu termasuk membantu petani-petani kecil meningkatkan hasil dan mutu keluaran mereka.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Persidangan Halatuju Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani pada 12 Ogos 2004 di Hotel Palace Of Golden Horses, Sungai Besi.

Persidangan selama dua hari itu disertai lebih 1,000 peserta dari seluruh negara. Hadir sama,

Beliau berkata, selain syarikat GLC, pertubuhan peladang juga perlu berfungsi dan berusaha lebih gigih bagi memajukan sektor pertanian kerana ada yang tidak begitu berkesan dalam meningkatkan taraf hidup dan martabat ahli.

Kerajaan sendiri kata beliau, akan menyediakan pelbagai insentif kepada masyarakat petani terutama dalam bentuk bantuan material seperti benih bermutu, baja dan jentera moden.

Tambah beliau lagi, sektor perbankan perlu memberi kerjasama dalam merealisasikan usaha



Antara ahli panel yang membentangkan kertas Persidangan Halatuju Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani.

kerajaan itu dengan menyediakan pelbagai kemudahan pinjaman kepada mereka yang mahu membabitkan diri dalam industri pertanian.

Berdasarkan maklum balas yang diterima, masih ramai pengusaha pertanian menghadapi kesukaran untuk mendapatkan kemudahan pinjaman termasuk dari Bank Pertanian sendiri.

“Saya meminta pihak kementerian dan Bank Negara untuk mengkaji bagaimana bank-bank pembangunan dan komersial boleh digiatkan lagi untuk menyediakan kemudahan kredit yang sesuai dengan keperluan pengusaha pertanian. Kemudahan kredit pertanian perlu diperkukuhkan lagi,” tegasnya.

Pada masa yang sama katanya, penggunaan teknologi dalam aktiviti pertanian merupakan satu cara untuk melakukan transformasi sektor itu termasuk memastikan segala hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) sampai kepada petani.



Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi mendengar penerangan mengenai produk pertanian yang dihasilkan semasa melawat gerai pameran Persidangan Halatuju Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani.

‘penggunaan teknologi dalam aktiviti pertanian merupakan satu cara untuk melakukan transformasi sektor itu termasuk memastikan segala hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) sampai kepada petani.’

“Satu mekanisme yang berkesan perlu disediakan bagi membawa hasil penemuan R&D itu kepada golongan sasaran supaya ia dapat diamalkan secara berterusan oleh petani. Tanpa R&D dan



Peserta yang hadir semasa pembentangan kertas Persidangan Halatuju Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani.

penggunaan teknologi sektor pertanian kita tidak boleh berjaya,” ujar beliau.

Di samping itu kata Perdana Menteri, golongan petani sendiri perlu mengubah sikap dengan lebih bersemangat dan peka kepada perubahan.

“Pertanian sering dihubungkan dengan kemiskinan dan kedaifan. Itu tidak benar, kerana jika aktiviti pertanian diusahakan secara bersungguh-sungguh ia boleh menjadi satu sumber kekayaan yang kukuh dan lumayan,” jelasnya mengakhiri ucapan.

Selepas majlis perasmian tersebut, Perdana Menteri meluahkan masa melawat pameran yang disediakan oleh Agensi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta syarikat swasta pengeluar produk pertanian.

**Ketua Pengarah
Lembaga Pertubuhan Peladang
Mengucapkan**

*Selamat
Hari Raya Aidil Fitri
1425 Hijrah
Maaf Zahir Batin*

**Kepada
Semua Anggota
Lembaga Pertubuhan Peladang**

